AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023

RUU GEG mesti dilulus, dilaksanakan segera

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 tidak perlu melalui proses di bawah Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan kerana ia dilihat hanya akan mengambil masa lama untuk diluluskan.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Prof Dr Mohamed Rusli Abdullah, berkata ini berikutan, terdapat keperluan mendesak untuk RUU itu diluluskan segera kerana ia membabitkan kepentingan dan kesihatan awam pada masa hadapan.

Katanya, sekiranya melalui masa yang panjang, ia berkemungkinan mewujudkan kelompangan terhadap undang-undang terutama kawalan penggunaan rokok elektronik atau vape daripada terus berlaku.

Muka 2

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN :

27,000 kematian akibat komplikasi merokok

Dari Muka 1

"Kami dimaklumkan syor penambahbaikan sudah dikemukakan sebelum ini, dan sekiranya terdapat perubahan ketika dirujuk JKPK Kesihatan, secara tidak langsung ia akan membantutkan usaha untuk mempercepatkan RUU ini.

"Bagaimanapun, sekiranya perlu juga melalui JKPK Kesihatan, PPPKAM menggesa supaya semua bukti saintifik jelas dikemukakan, bukan bergantung kepada kajian tertentu atau ditaja oleh pihak industri tembakau atau vape bagi mengelakkan kejadian berat sebelah," katanya.

Terdahulu, media melaporkan, RUU yang turut dikenal sebagai RUU Generasi Penamat (GEG) itu akan dirujuk sekali lagi kepada JKPK Kesihatan, selepas pertama kali dibentangkan oleh Menteri Kesihatan ketika itu, Khairy Jamaluddin, pada tahun lalu.

Dr Mohamed Rusli turut melahirkan kebimbangan apabila ada pihak yang mencadangkan supaya KKM tidak terbabit dalam perbincangan ini dan ia disifatkan sebagai tidak bertanggungjawab.

"Pembabitan KKM dan pakar-pakar kesihatan adalah perlu bagi memastikan maklumat tepat dan berdasarkan bukti saintifik dapat disampaikan kepada JKPK Kesihatan.

"Ini kerana PPPKAM berpendapat, RUU ini mestilah komprehensif, adil dan memenuhi kepentingan semua termasuk pihak industri, jadi cadangan untuk tidak membabitkan KKM adalah tidak bernas," katanya.

Mengenai isi kandungan RUU berkenaan, beliau menyatakan kebimbangan sekiranya terdapat peruntukan yang memisahkan kawalan antara rokok konvensional dan rokok elektronik kerana ia boleh memberi ruang untuk tidak dilaksanakan.

"Rokok elektronik juga bukan produk selamat dan banyak kajian sudah membuktikannya terutamanya E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury atau EVALI.

"Kementerian Kesihatan (KKM) turut menyasarkan peratus perokok patut dikurangkan kepada lima peratus pada 2040, namun peratusan masih kekal tinggi iaitu melebihi 20 peratus atau satu daripada lima orang dewasa adalah perokok.

"Jadi amat bertepatan jika kedua-dua jenis rokok ini dikuatkuasakan serentak," katanya.

KKM melaporkan seramai 27,000 kematian di negara ini akibat komplikasi merokok setiap tahun.

Peningkatan ketara pengguna usia 13 tahun

Sementara, Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2022 menunjukkan, terdapat peningkatan ketara pengguna rokok elektronik berusia 13 hingga 17 tahun iaitu daripada 9.8 peratus (2017) kepada 14.9 peratus (2022).

Dr Mohamed Rusli menegaskan, GEG ini adalah kunci tepat untuk mengelakkan generasi muda khususnya terjebak dalam ketagihan nikotin kerana mereka ada golongan yang sepatutnya dilindungi.

"Kerajaan juga tidak perlu bimbang jika tidak mendapat sokongan Ahli Parlimen lain kerana majoriti rakyat menyokong usaha dalam memenuhi aspirasi kesihatan untuk seluruh masyarakat di negara ini.

"Menurut anggaran KKM, kerajaan akan berdepan kos merawat pesakit akibat merokok sebanyak RM8.7 bilion dan kos rawatan kesan penggunaan rokok elektronik pula RM360 juta menjelang 2030 berbanding kutipan cukai yang dipungut.

Jelasnya, industri masih boleh bertahan sehingga tempoh masa 50 tahun untuk membuat peralihan kepada industri bermanfaat apabila RUU ini dikuatkuasakan.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Ibu Bapa Mencegah Rokok dan Vape Kuala Lumpur, Mohd Rashdan Abd Rashid, berkata ketagihan merokok ini diumpamakan sebagai masalah berganda bermula rokok konvensional hinggalah muncul rokok elektronik.

Katanya, lebih kritikal kanak-kanak sekolah rendah juga dilihat semakin berani mencuba rokok elektronik kerana harganya yang murah dan boleh dibeli secara dalam talian.

"Dulu nak beli rokok di kedai, mesti mereka akan ditanya, tetapi sekarang mudah saja, pada harga serendah RM5, kanak-kanak boleh beli dalam talian.

"Ini yang kita gusarkan sekiranya tiada GEG kerana anak-anak mudah terdedah kerana mereka golongan yang mudah terikut-ikut trend.

"Kita mahu apabila GEG ini diwartakan, ia menjadi satu jalan positif untuk ke arah negara maju, melahirkan generasi produktif sihat yang akan memberi kesan kepada ekonomi juga," katanya.

Menyentuh mengenai tindakan sesetengah Ahli Parlimen yang enggan menyokong RUU itu, beliau berkata walau apa pun alasan diberikan, ia menunjukkan pemimpin itu tidak cakna kerana mereka dipilih adalah untuk membawa kesejahteraan, tetapi berlaku sebaliknya.

"Ibu bapa juga perlu memainkan peranan proaktif tidak kira di rumah atau sekolah dengan terbabit dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan kumpulan sokongan ibu bapa.

"Relevannya pembabitan ibu bapa ini adalah untuk memastikan kemenjadian dan keberhasilan menerusi program yang dianjurkan bersama-sama," katanya yang juga Yang Dipertua PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Permai, Ampang. Beliau berharap, semua ibu bapa bersama-sama dengan pihak sekolah untuk memperjuangkan kesejahteraan secara menyeluruh bagi memastikan generasi akan datang adalah generasi dinamik.

> Pembabitan KKM dan pakar-pakar kesihatan adalah perlu bagi memastikan maklumat tepat dan berdasarkan bukti saintifik dapat disampaikan kepada JKPK Kesihatan

Dr Mohamed Rusli
Presiden PPPKAM

> Kita mahu apabila GEG ini diwartakan, ia menjadi satu jalan positif untuk ke arah negara maju, melahirkan generasi produktif sihat yang akan memberi kesan kepada ekonomi juga

Mohd Rashdan Abd Rashid
Pengerusi Pertubuhan Ibu Bapa Mencegah Rokok dan Vape Kuala Lumpur

TAHUN	[illegible]	[illegible]	[illegible]	[illegible]
2015	5.000	5.03	3.29	-1.74
2016	5.075	5.28	3.53	-1.75
2017	5.151	5.54	3.14	-2.40
2018	5.228	5.82	2.91	-2.91
2019	5.307	6.11	2.59	-3.52
2020	5.386	6.21	2.67	-3.54

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : LOKAL

Hospital Pasir Gudang kini 40% siap

Johor Bahru: Kerja pembinaan Hospital Pasir Gudang kini mencapai 40.47 peratus dan dijangka dapat disiapkan lebih awal, kata Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon.

Hospital itu yang sebelum ini dijadualkan siap pada September 2024, katanya, boleh disiapkan sebulan atau dua bulan lebih awal dan diharap dapat beroperasi sepenuhnya pada 2025.

"Sehingga 15 Mei lalu kalau mengikut jadual (asal) cuma 27.96 peratus tetapi sebenarnya di tapak, kita telah mencecah 40.47 peratus dan ini bererti kita sudah mendahului sebanyak 12.51 peratus.

"Mudah-mudahan hospital terbabit boleh disiapkan sebulan atau dua bulan lebih awal dan dapat memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di sekitar Pasir Gudang," katanya selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Aset Bukan Perubatan di Wad Bunga Raya di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini, kelmarin.

LING (kanan) menyantuni seorang pesakit di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru, kelmarin.

Hospital Pasir Gudang dijadualkan siap pada September 2024

Beliau berkata, hospital berkenaan yang merupakan hospital awam ketiga di daerah ini akan membantu mengurangkan kesesakan di HSA dan Hospital Sultan Ismail (HSI).

Projek di kawasan Bandar Seri Alam bernilai RM375 juta itu bermula pada September 2020 dan bakal dilengkapi 304 katil, lapan bilik bedah dan 65 bilik konsultasi bagi rawatan pesakit luar.

Ia turut menyediakan pusat rawatan harian, 30 kerusi dialisis, farmasi pandu lalu, 16 bilik bersalin, 34 kuarters jururawat dan hampir 1,000 ruang parkir.

Sementara itu, mengenai program kelmarin Ling berkata badan bukan kerajaan (NGO) *Buddha's Light International Association* menyumbang 300 set meja sisi katil dan almari diariggarkan bernilai RM300,000 kepada Wad Bunga Raya HSA.

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

27 JUN 2023

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LOKAL

8.7 juta amalkan gaya hidup aktif

Kuala Lumpur: Seramai 8.7 juta rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup aktif dengan rekreasi, berjalan laju (*brisk walking*) dan berlari adalah aktiviti paling digemari pada 2020.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berkata, ia diperolehi hasil bancian daripada 16.1 juta responden yang menjawab soalan kecergasan Banci Malaysia 2020 dengan 8.7 juta penduduk melaporkan terbabit aktiviti sukan atau senaman.

"Selangor dan Johor adalah dua negeri dengan jumlah pembabitan penduduk dalam aktiviti yang melebihi satu juta orang, masing-masing iaitu 1.3 juta dan 1.2 juta.

Kedua-dua negeri itu menyumbang 2.5 juta atau 28.5 peratus daripada 8.7 juta penduduk yang menjalankan aktiviti.

"Petaling, Johor Bahru dan Kinta adalah daerah pentadbiran yang paling aktif dengan masing-masing 445,900, 392,500 dan 339,200 penduduk melakukan aktiviti fizikal," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

> *Sebanyak 55.0 peratus (7.3 juta) penduduk di usia bekerja terbabit dalam aktiviti sukan atau senaman. Putrajaya dan Kuala Lumpur mencatatkan komposisi tertinggi iaitu masing-masing pada 83.5 peratus dan 78.6 peratus"*
>
> **DOSM**

Menurutnya, sebanyak 62.4 peratus daripada 8.7 juta penduduk aktif pada 2020 melakukan sekurang-kurangnya satu aktiviti fizikal, 22.8 peratus terbabit dalam dua aktiviti dan 14.8 peratus melakukan tiga aktiviti dan lebih.

"Rekreasi (4.2 juta orang), berjalan laju (2.8 juta orang) dan berlari (2.1 juta orang) adalah aktiviti yang paling digemari diikuti berbasikal, eSports, zumba atau aerobik, berenang, aktiviti gimnasium, sukan lasak dan aktiviti taichi atau yoga," katanya.

DOSM berkata, golongan penduduk muda yang terbabit sukan atau senaman mencatatkan sebanyak 61 peratus dengan Putrajaya merekodkan pembabitan tertinggi iaitu 90.2 peratus, diikuti Selangor 80.6 peratus.

Di samping itu, katanya, sebanyak 54.6 peratus penduduk usia muda di Sarawak tidak terbabit dalam sebarang aktiviti dan trend sama juga berlaku di Kelantan (54.1 peratus) dan Sabah (52.9 peratus).

"Sebanyak 55.0 peratus (7.3 juta) penduduk di usia bekerja terbabit dalam aktiviti sukan atau senaman. Putrajaya dan Kuala Lumpur mencatatkan komposisi tertinggi iaitu masing-masing pada 83.5 peratus dan 78.6 peratus.

"Kategori penduduk tua yang mencatatkan pembabitan dalam aktiviti sukan atau senaman paling rendah iaitu 33.0 peratus," katanya.

Berdasarkan Banci Malaysia 2020, katanya, sebanyak 80 peratus responden menyatakan tempat kediaman dilengkapi kemudahan taman permainan dan padang bola adalah dalam lingkungan kosong hingga lima kilometer.

Menurutnya, kurang daripada 60 peratus responden menyatakan kemudahan sukan dan rekreasi awam seperti padang golf, pusat boling, kolam renang dan stadium mini terletak dalam jarak kosong hingga lima kilometer dari kediaman.

'Mereka hanya dengar pembentangan saja'

Kuala Lumpur: Kes tekanan perasaan, masalah mental dan salah laku remaja serta kanak-kanak mendiami rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bandar besar atau kawasan padat sudah dikenal pasti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Prof Psikologi Kaunseling Fakulti Pengajian Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Prof Datuk Dr Mohamed Fadzil Che Din berkata, JKM memang mempunyai data maklumat berkenaan dan setiap tahun ia dihantar KPWKM kepada Majlis Sosial Negara (MSN) untuk ditangani.

"Masalahnya, apabila maklumat itu pergi ke peringkat lebih atas, agensi lain yang terbabit seperti Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menjaga perumahan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mengurus beberapa perkara seperti flat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan (KPM), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sebagainya gagal bercakap antara satu sama lain.

> **JKM ada data maklumat dan dihantar KPWKM kepada MSN untuk ditangani**

"Mereka hanya dengar sahaja pembentangan. Menteri sama menteri duduk mendengar, selepas itu beritahu kepada KSU (Ketua Setiausaha kementerian). kemudian KSU bagi arahan jadi lain dan sebagainya.

"Akhir sekali, *on the ground* (di lapangan) tiada keterlibatan antara agensi ini. Masing-masing hanya mengikut kepada peraturan dan akta mereka sahaja," katanya.

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

27 JUN 2023

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Pegawai perubatan bekerja lebih masa diberi ETAP – KKM

PUTRAJAYA – Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) diberikan kepada pegawai perubatan yang melaksanakan tanggungjawab tambahan merawat pesakit semasa bertugas atas panggilan (*on-call*) di hospital selepas waktu bekerja biasa.

Kementerian Kesihatan (KKM) dalam kenyataan memberitahu, imbuhan itu turut dibayar kepada pegawai perubatan yang diarah bertugas atas panggilan di klinik kesihatan yang menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit selepas waktu pejabat.

"Sebanyak 791 klinik kesihatan dikenal pasti menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit selepas waktu pejabat.

"Sejak diperkenalkan pada 1994, kadar ETAP telah dinaikkan sebanyak tiga kali iaitu pada 2001, 2005 dan 2012.

"Pengiraan kadar ETAP dengan membahagikan RM220 (kadar ETAP aktif Hari Kelepasan Am dan Mingguan bagi pegawai perubatan) kepada 24 jam sehari (RM9.16 sejam) adalah tidak tepat kerana ETAP dibayar berdasarkan 15 jam sehari mengambil kira tempoh tugas atas panggilan selepas waktu bekerja biasa," katanya semalam.

Jelasnya, KKM turut memaklumkan pembayaran ETAP adalah berdasarkan tempoh pegawai diarah bertugas atas panggilan dengan tempoh minimum selama empat jam bertugas, dan tidak termasuk waktu bekerja biasa pegawai.

"Sebagai contoh, Dr. Ali seorang pakar perubatan Gred UD52 yang menerima gaji pokok dan elaun tetap bulanan sebanyak RM17,299 dan juga diarah untuk bertugas atas panggilan secara aktif di hospital, beliau layak menerima gaji sebanyak RM576.63 sehari.

"Bagi hari yang beliau diarah untuk bertugas atas panggilan secara aktif, beliau layak dibayar ETAP sebanyak RM250 bagi tambahan jam yang beliau bertugas selepas waktu bekerja biasa.

"Sehubungan itu, jumlah gaji yang diterima pada hari Dr. Ali melakukan tugas atas panggilan adalah RM576.63 dicampur dengan ETAP (RM250) yang mana jumlahnya adalah RM826.63 sehari," ujarnya.

Tambahnya, berdasarkan penjelasan tersebut, emolumen dan elaun lain kepada pegawai awam dibuat berdasarkan struktur dan prinsip penggajian dalam perkhidmatan awam, berlandaskan prinsip 'rate for the job' dan prinsip pariti serta mengambil kira keupayaan kewangan semasa.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NEGERI

Lanjut tangguh saman setahun lagi

Isu kekurangan parkir masih belum dapat diatasi

Oleh NORMAWATI ADNAN
IPOH

Langkah tidak mengenakan saman kepada pesakit dan pelawat Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini yang meletakkan kenderaan di tepi jalan dilanjutkan untuk tempoh satu tahun lagi.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia, Integrasi dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A Sivanesan berkata, lanjutan tempoh itu mengambil kira isu kekurangan parkir yang masih belum dapat diatasi sepenuhnya.

Menurutnya, sebelum ini polis telah memberi kelonggaran tidak mengenakan saman untuk tempoh beberapa bulan sahaja sehingga Mei lalu.

"Masih sama (tiada saman) kerana kita dapati setakat ini, tidak ada lagi kes kemalangan berlaku dan sebagainya disebabkan perkara itu (letak kenderaan).

"Orang ramai pun beri maklum balas yang baik dan berterima kasih dengan kelonggaran diberikan dan kerana itu kita akan teruskan untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun lagi," katanya kepada pemberita pada Isnin.

ISU PARKIR HRPB

SIVANESAN

Polis Perak sebelum ini menangguhkan sementara tindakan menyaman kenderaan di kawasan itu sehingga Mei itu berikutan keperluan petak parkir yang tidak mencukupi selain pembinaan parkir baharu yang masih dalam proses.

Sepanjang tempoh itu, orang ramai diberi kelonggaran meletakkan kenderaan masing-masing di luar kawasan hospital dengan syarat tidak diletakkan secara parkir berganda dan tidak menghalang lalu lintas pengguna lain terutama ambulans.

Sivanesan berkata, pembinaan tempat letak kenderaan di hadapan Klinik Kesihatan Greentown telah siap pada 16 Jun lalu dengan kemudahan 170 lot parkir.

Katanya, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak juga telah meluluskan peruntukan tambahan RM35,000 bagi tujuan naik taraf tempat letak kereta sedia ada di dalam kawasan klinik sebagai tambahan 40 lot parkir baharu.

"Projek ini dijangka siap pada September depan.

"Keadaan ini membolehkan lebih banyak tempat letak kenderaan dapat disediakan bagi kegunaan staf dan kakitangan klinik serta orang awam yang mendapatkan rawatan di klinik," katanya.

Sementara itu, Sivanesan berkata, sebuah kompleks parkir bertingkat akan dibina bagi mengatasi kekurangan tempat letak kenderaan di HRPB seawalnya tahun depan.

Menurutnya, cadangan itu telah diterima daripada sebuah syarikat dari China pada April lalu dan daripada perbincangan awal dilakukan, syarikat tersebut bersedia menanggung sepenuhnya kos pembinaan tanpa menggunakan sebarang peruntukan kerajaan negeri.

Kelonggaran tidak mengenakan saman kepada pesakit dan pelawat HRPB yang meletakkan kenderaan di tepi jalan dilanjutkan untuk tempoh satu tahun lagi.

"Kita sedang menunggu kertas kerja daripada syarikat berkenaan, selepas itu baru cadangan ini dibentangkan ke Mesyuarat Exco dan seterusnya peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Jika semuanya berjalan lancar, kita harap projek pembangunan ini dapat dimulakan tahun depan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri Perak dan Menteri Besar Perak menyambut baik cadangan tersebut sebagai langkah jangka masa panjang menyelesaikan masalah parkir yang berlarutan lebih 30 tahun lalu.

Katanya, pembinaan kompleks parkir bertingkat di HRPB itu kemudiannya boleh dijadikan contoh bagi hospital lain seperti Hospital Taiping yang berdepan masalah sama.

Hospital Bukit Mertajam terima mesin CT Scan tahun depan

BUKIT MERTAJAM - Setelah hampir 10 tahun menunggu, Hospital Bukit Mertajam (HBM) akhirnya bakal menerima sebuah mesin Pengimbas Tomografi Berkomputer (CT Scan) pada tahun hadapan.

Timbalan Menteri Kewangan II, Steven Sim Chee Keong berkata, mesin berharga RM5.5 juta itu akan ditempatkan di HBM bagi memudahkan pengurusan kes serius melibatkan pesakit di hospital berkenaan.

Menurutnya, HBM yang berusia 130 tahun itu tidak pernah mempunyai mesin CT Scan sebelum ini yang mana, pesakit yang perlu menjalani pemeriksaan lanjut perlu dirujuk ke Hospital Seberang Jaya (HSJ) dan Hospital Pulau Pinang (HPP).

"Menteri Kesihatan dan Kementerian Kesihatan Malaysia kerana meluluskan satu peruntukan RM5.5 juta untuk pembelian perolehan sebuah mesin CT Scan. Peruntukkan ini telah dipohon sejak tahun 2014 oleh HBM, namun ada beberapa kekangan untuk diluluskan.

"Pada 2021, bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pernah datang ke sini dan menyatakan persetujuan untuk meluluskan sebuah mesin CT Scan di HBM.

"Jadi pada awal tahun ini, HBM memberitahu sudah lama pohon dan sudah dapat kelulusan secara lisan daripada kepimpinan kerajaan Pusat," katanya selepas meninjau HBM di sini pada Isnin.

Steven Sim (tiga dari kanan) menunjukkan surat kelulusan perolehan mesin CT Scan untuk HBM.

Steven yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam berkata, hanya satu daripada empat hospital di kawasan Seberang Perai mempunyai mesin CT Scan iaitu Hospital Seberang Jaya (HSJ).

"Pada awal tahun ini, hospital meminta untuk mempercepatkan kelulusan kerana empat hospital di kawasan Seberang Perai iaitu HSJ, HBM, Hospital Kepala Batas dan Hospital Sungai Bakap, hanya HSJ mempunyai mesin CT Scan.

"Setiap tahun, kira-kira 6,000 kes dari HBM dirujuk ke HSJ untuk penggunaan mesin CT Scan. Oleh itu, memang ada keperluan untuk mempunyai sebuah mesin CT Scan. Kerja-kerja pentadbiran sudah bermula, kita jangka tender akan dibuat dalam tahun ini juga," katanya.

Sementara itu, Pengarah HBM, Dr Goh Hin Kwang berkata, mesin CT amat diperlukan terutamanya bagi kes kecemasan antaranya kemalangan, pendarahan otak dan angin ahmar.

"Proses perolehan sudah bermula, pada 21 Jun lalu, pihak hospital telah dipanggil untuk jawatankuasa penyediaan spesifikasi dan dijangka awal tahun depan kita akan dapat mesin ini.

"Mesin ini amat diperlukan kerana ketika ini, kes-kes kecemasan akan dirujuk ke HSJ," katanya.

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

27 JUN 2023

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LETTERS



In a study, only 72 per cent of vape products included warnings about keeping them away from children. FILE PIC

ACUTE NICOTINE POISONING

NEED FOR VAPE WARNING LABEL

THE lack of adequate labelling on vape liquids, also known as e-liquid or e-juice, has contributed to an increase of acute nicotine poisoning among children.

A local study emphasises the need for strict labelling regulations.

This study evaluated 18 vape liquids obtained from a Malaysian online shopping platform last month.

The products, randomly selected, represented a wide variety of manufacturers, nicotine concentrations and flavours.

We scrutinised whether the products' outer packaging provided crucial information, as mandated by the UK Tobacco and Related Products Regulations 2016, and if they followed the UK Medicines' Healthcare Products Regulatory Agency's vape liquid notification guideline.

Malaysia lacks specific legislation and regulation to control vape products. This is disconcerting.

For instance, the tested products contained unauthorised artificial flavourings and sweeteners, like mango and banana, that are often found in milk products.

These flavours not only appeal to children but are also associated with respiratory diseases.

More alarmingly, none of the products indicated the amount of nicotine present, even though their online sales portal implied that nicotine was an added ingredient.

The study also revealed shortcomings in safety labelling of the vape liquid.

Only about 72 per cent of the products included warnings about keeping them away from children, and a mere 5.6 per cent mentioned the addictive nature of nicotine.

The following alarming statistics, derived from the study, underline the problem of the 18 vape liquids.

Only 5.6 per cent (one out of 18) of the products included a statement that stated: "This product contains nicotine". Also, only 5.6 per cent displayed the crucial notice: "This product is addictive."

Just 11.1 per cent (two out of 18) included warnings to "Avoid contact with eyes and skin or ingestion", 11.1 per cent (two out of 18) carried the warning "Individuals with unstable heart conditions should not use this product".

Only 11.1 per cent (two out of 18) included warnings for individuals allergic to propylene glycol or vegetable glycerin.

Only 61.1 per cent (11 out of 18) stated that "vape is an alternative for smokers and is not suitable for non-smokers".

A total of 72.2 per cent (13 out of 18) of the products displayed the warning: "Keep the product out of the reach of children".

As many as 88.9 per cent (16 out of 18) of the products stated that "Individuals under the age of 18 are prohibited from buying or using this product, while 88.9 per cent (16 out of 18) included warnings against pregnant or lactating women using their products.

In addition to evaluating safety labelling, the investigation also reviewed product details and nicotine contents.

Disturbingly, none of the 18 products included information on their packaging about the amount of nicotine

Only 11.1 per cent (two out of 18) of the products mentioned the batch number, a crucial detail if a product recall is required.

A recent case involving a 2-year-old girl suffering from acute nicotine poisoning underlines the need for more stringent regulations in the vape product industry.

The government should introduce labelling regulations for vape liquids in the Tobacco Product Control for Public Health Bill 2023.

These regulations should mandate accurate listing of ingredients and nicotine content on product labels, along with clear health warnings.

Vape liquids available for purchase in Malaysia lack explicit information regarding their nicotine content.

Some products provide vague descriptions, omitting units such as mg, or provide numerical values without indicating their correlation to nicotine content.

Furthermore, online merchants fail to specify nicotine content, with some sellers merely displaying numerical values and hashtags in purchasing options, without indicating the nicotine concentration.

These underscore the non-compliance and potential health risks posed to uninformed vape users, especially youth who may not understand the dangers of these substances.

DR SER HOOI LENG,
DR AMAR DAUD ISKANDAR ABDULLAH,
PROFESSOR LONG CHIAU MING
LOOK KEYUN,
School of Medical and Life Sciences, Sunway University